

**PROGRAM : TAKLIMAT DAN HANDS-ON PENGGUNAAN SISTEM
ENVIRONMENTAL MAINSTREAMING TOOLS (EMAINS) KEPADA PEGAWAI JABATAN
ALAM SEKITAR DAN INDUSTRI**

PENGENALAN

Pelaksanaan Pematuhan Kendiri Terpimpin (*Guided Self-Regulation*) melalui 7 *Environmental Mainstreaming Tools (EMTs)* sebagai pelengkap kepada pendekatan Arah dan Kawal (*Command and Control*) dalam program penguatkuasaan telah dilaksanakan oleh JAS sejak 2015. Pada Mei 2019, sistem *Environmental Mainstreaming Tools (EMAINS)* iaitu sistem pelaporan pelaksanaan EMTs secara atas talian telah mula digunakan oleh industri dan lain-lain komuniti terkawal ("*regulated communities*") serta untuk pemeriksaan dan verifikasi oleh JAS. Sesi taklimat dan hands-on ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada mereka yang terlibat tentang penggunaan sistem EMAINS. Beberapa sesi penerangan telah dilaksanakan pada bulan Januari hingga Mac 2020 seperti di bawah:

- Sesi bersama Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada 29 Januari 2020 di Wisma TNB Seremban yang dihadiri oleh 35 orang pegawai TNB dari seluruh Semenanjung. Taklimat telah disampaikan oleh Cik Dayang Nurbaini binti Awang Bujang mewakili Bahagian Penguatkuasa;
- Sesi bersama JAS Negeri Pahang dan Bahagian Penguatkuasa, JAS Ibu Pejabat pada 28 Februari 2020 bertempat di Bilik Mesyuarat Melati, JAS Ibu Pejabat yang telah dihadiri oleh 6 orang pegawai JAS. Taklimat telah disampaikan oleh Cik Norazlina Ab Halim dari Bahagian Penguatkuasa dan En. Muhammad Hairi Bin Nordin dari Bahagian Teknologi Maklumat;
- Sesi bersama pegawai JAS Negeri pada 5 Mac 2020 di Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS) yang telah dihadiri oleh 30 orang pegawai JAS dalam kursus *Certified Environmental Professional in Scheduled Waste Inspection (CePSWI)*. Taklimat telah disampaikan oleh Cik Norazlina Ab Halim dari Bahagian Penguatkuasa; dan
- Sesi bersama industri di Kedah pada 10 Mac 2020 di Cinta Sayang Resort, Kedah Darul Aman yang telah dihadiri oleh lebih 273 peserta dalam program Seminar Kecemerlangan Industri Negeri Kedah Tahun 2020 yang dianjurkan oleh JAS Kedah. Taklimat telah disampaikan oleh Puan Noraini Ajlaa Binti Omar dari Bahagian Penguatkuasa.

KANDUNGAN (PENGISIAN PROGRAM)

Pengisian dalam program-program ini merangkumi:

- Taklimat berkenaan Pematuhan Kendiri Terpimpin dan pelaksanaannya melalui 7 *EMTs*;
- Taklimat berkenaan penggunaan sistem EMAINS dan sesi *hands-on*; dan
- Sesi perbincangan dan soal jawab serta cadangan-cadangan penambahbaikan sistem EMAINS.

HASIL (OUTCOME)

Sesi taklimat ini dapat memberikan pendedahan dan pemahaman kepada industri dan pegawai JAS Negeri bagi menggunakan sistem EMAINS. Ini akan dapat meningkatkan pelaporan atas talian pelaksanaan 7 *EMTs* oleh industri. Selain itu, sesi taklimat kepada JAS Negeri juga dapat membantu mereka dalam membuat pemeriksaan dan verifikasi pelaporan oleh industri dalam memastikan setiap premis mematuhi dan mencapai pematuhan ke semua 7 *EMTs* yang telah ditetapkan oleh JAS.

Gambar 1 sehingga 11 adalah gambar-gambar sepanjang taklimat dan hands-on berkenaan penggunaan Sistem EMAINS yang disampaikan oleh Bahagian Penguatkuasa sepanjang bulan Januari sehingga Mac 2020



Gambar 1



Gambar 2



Gambar 3

Gambar 1 hingga 3: Taklimat dan hands-on berkenaan penggunaan Sistem Environmental Mainstreaming Tools (EMAINS) kepada pegawai Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada 29 Januari 2020 oleh Seskyen Pengurusan Data dan Pematuhan Industri, Bahagian Penguatkuasa, JAS Ibu Pejabat



Gambar 4



Gambar 5



Gambar 6

Gambar 4 sehingga 63: Taklimat dan Hands-on penggunaan sistem Environmental Mainstreaming Tools (EMAINS) kepada JAS Negeri Pahang pada 28 Februari 2020 oleh Seksyen Pengurusan Data dan Pematuhan Industri, Bahagian Penguatkuasa dibantu oleh Bahagian Teknologi Maklumat JAS Ibu Pejabat



Gambar 7



Gambar 8



Gambar 9



Gambar 10



Gambar 11

Gambar 7 dan 11: Seminar Kecemerlangan Industri Negeri Kedah Tahun 2020 anjuran JAS Negeri Kedah yang diadakan pada 10 Mac 2020 bertempat di Cinta Sayang Resort, Kedah Darul Aman